

"Utamakan rakyat..." kata Dr M

"**UTAMAKAN** rakyat dari diri sendiri seru Dr. Mahathir", kata sebuah kepala bersala sederhana di Berita Harian, Disember 15, 1978. Berita di bawahnya antara lain berkata — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menggesa Wakil Rakyat supaya menumpukan tenaga dan khidmat kepada rakyat dan bukan kepentingan diri.

Timbalan Perdana Menteri itu membuat gesaan demikian semasa berucap di Majlis Makan Malam Kesyukuran di Ipoh sempena kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum yang lalu.

Sambung Y.A.B. itu, kemenangan Wakil Rakyat itu sebenarnya untuk membolehkan mereka berkhidmat kepada rakyat.

Komen Penulis:

Nasihat yang disuarakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir tadi bukanlah diperbuatnya bagi pertama kali atau dalam bahasa lain lanya telah disarankan oleh Y.A.B. itu dan pemimpin-pemimpin yang lain berpuluh-puluh, jika tidakkan beratus-ratus kali akhir-akhir ini. Tapi penulis masih menghidangkannya. Mengapa? Kerana

nasihat atau cerita baik adalah wajar diulangi dan diulangi (tidaklah seperti cerita lama yang kurang baik, yang jika diulangi di TV akan menyebabkan para penonton menyumpah di dalam hati). Berdasarkan kepada prinsip inilah khutbah dibacakan dari mimbar masjid bukan sekali sebulan tapi setiap hari Jumaat....

Sungguhpun Datuk Seri Dr. Mahathir melafaskan apa yang disebutkan di atas tadi di sebuah Majlis Makan Malam di Ipoh, penulis yakin dan percaya bahawa nasihat berkenaan bukanlah ditujukan hanya kepada Wakil-Wakil Rakyat, samada yang berada di majlis kesyukuran itu atau pun yang tidak, tapi meliputi jua, agaknya, pegawai-pegawai tinggi awam yang berkhidmat di bawah Kerajaan yang bermottokan kepada slogan "Adil dan Bersih" serta jua kepada pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua masyarakat yang ada hubungan dengan Kerajaan, khususnya yang paling suka melaung-laungkan di sana dan di sini kata-kata manis, seperti umpamanya, "Aku cintakan rakyat dan aku mengutamakan kepentingan rakyat". Atau dalam erti kata yang lain, praktikanlah apa yang diperkatakan dan tidak setakat berpuas hati semata-mata dengan perkhidmatan

yang berupa "lip-service" sahaja (secara mengguna bahasa yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Pahang, Encik Rahim Bakar, baru-baru ini.)

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia